

Dr. M tak mahu masuk "Buku Guinness" ...

"SAYA tidak akan berpegang kuasa lebih lama dari yang dikehendaki," kata sebuah kepala di Utusan Melayu Oktober 27, 1981. Berita berikutan melaporkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai berkata, beliau tidak akan berpegang kepada kuasa yang dimilikinya sekarang lebih lama dari yang dikehendaki dan terpulanglah kepada rakyat menilai kemampuan pentadbirannya melalui Pilihanraya akan datang.

Dalam satu temuramah khas sempena harinya yang ke-100 sebagai Perdana Menteri, beliau menegaskan: "Jika saya kalah bermakna saya tidak mencapai suatu apa pun sepanjang pentadbiran saya. Tetapi

jika saya menang dan terus mendapat sokongan rakyat, bermakna rakyat mengakui kebalkan dasar-dasar yang saya jalankan."

Bagi dirinya sendiri, Dr. Mahathir berkata: "Saya tidak mahu terus berkuasa lebih lama dari yang saya dikehendaki. Jika saya dapat mengesan yang saya tidak lagi dikehendaki, saya tidak ada masalah untuk kembali ke klinik saya."

* * *

Komen Penulis:

Nampaknya, Datuk Seri Dr. Mahathir tidaklah termasuk ke dalam golongan pemimpin-pemimpin yang mahu memecah rekod dunia dan dengan itu berkelayakan memasukkan nama ke dalam Buku Rekod Dunia Guinness selaku Wakil Rakyat yang paling lama menduduki kerusi merangkap pemegang jawatan Perdana Menteri

bagi tempoh yang paling lama di dunia...

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia